

KUALA LUMPUR, 4 FEB. (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU KESATUAN-KESATUAN MENGEMUKAKAN MEMORENDUM MENGENAI SEKIM GAJI BARU KEPADA JAWATANKUASA KABINET MENJELANG MINGGU PERTAMA BULAN MAC.

DR. MAHATHIR SELAKU Pengerusi Jawatankuasa itu memberitahu para pemberita bahawa memorendum itu akan dikaji dengan teliti sebelum sekim itu dilaksanakan.

Orang persaorangan yang tidak menjadi ahli kesatuan juga di pelawa mengemukakan memorendum.

DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN SEMUA KESILAPAN BESAR DALAM LAPURAN JAWATANKUASA KABINET AKAN DIBAIKI DAHULU SEBELUM DILAKSANAKAN.

BELIAU BERKATA KERAJAAN AKAN JUGA MENUBUHKAN SEBUAH BADAN KHAS MENGANDUNGI PEGAWAI-PEGAWAI KESATUAN DAN KERAJAAN BAGI MENOLONG MELICINKAN PERLAKSANAAN LAPURAN ITU.

DR. MAHATHIR BERKATA JAWATANKUASA KABINET SEDANG MENYEMAK SEWA RUMAH-RUMAH KERAJAAN.

KATANYA, BANYAK TEKANAN TELAH DIBUAT TERHADAP SOAL INI DAN JAWATANKUASA SEDANG MENIMBANG UNTUK MENKAJI SEMULA. -- BERSAMBUNG 1814/LK

MAHATHIR-KESATUAN 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR JUGA MEMBERI JAMINAN BAHAWA JAWATANKUASA KABINET AKAN MENKAJI SEMULA SEKIM GAJI JIKA DIDAPATI MEREKA DIDALAM SEKIM ITU AKAN MENDAPAT KURANG DARIPADA APA YANG MEREKA DAPATI SEKARANG.

BELIAU JUGA MEMBERI JAMINAN SETAKAT MANA YANG BOLEH, JAWATANKUASA ITU AKAN MEMPASTIKAN AGAR MEREKA TIDAK AKAN MENERIMA KURANG DARIPADA YANG APA YANG DIDAPATI SEKARANG.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM SEKARANG INI DALAM PROSES MENYEDIAKAN JADUAL PEMINDAHAN.

KETUA PENGARAH JABATAN ITU, DATUK ABDUL AZIZ ZAKARIA MENJANGKA TANGGA GAJI TERSEBUT AKAN DAPAT DILAKSANAKAN MENJELANG BULAN JULAI.

MENGENAI PEMBAYARAN TUNGGAKAN, DR. MAHATHIR BERKATA SATU JAWATANKUASA PERBENDAHARAAN SEKARANG SEDANG MENKAJI BERBAGAI CARA PEMBAYARAN, JAWATANKUASA ITU DIJANGKA AKAN DAPAT MENYIAPKAN KAJIANNYA MENJELANG APRIL INI.

APABILA DITANYA SAMADA JAWATANKUASA ITU AKAN MENIMBANG SYOR MEMBAYAR TUNGGAKAN DALAM BENTUK BOND KERAJAAN, BELIAU BERKATA JAWATANKUASA ITU MUNGKIN MENIMBANG CARA TERSEBUT. -- BERSAMBUNG 1843/LK

EE

B622:

MAHATHIR-KESATUAN 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA, KETIDAK SEIMBANGAN DALAM TANGGA GAJI ITU AKAN DIKAJI APABILA PERKARA ITU TIMBUL.

TERDAHULU, DR. MAHATHIR MENEMUI SATU PERWAKILAN SEMBILAN ORANG DARI MAJLIS KUMPULAN PERUSAHAAN DAN BURUH KASAR YANG DIKETUAI OLEH YANG DIPERTUANYA, HAJI ABDUL RAHMAN TAHIR.

HAJI ABDUL RAHMAN MEMBERITAHU DR. MAHATHIR MAJLISNYA YANG MEWAKILI KIRA-KIRA 75,000 PEKERJA TELAH BERSETUJU MENERIMA TANGGA GAJI BARU ITU.

BAGAIMANAPUN MEREKA MAHUKAN SEBELUM TANGGA GAJI ITU DILAKSANAKAN BEBERAPA PENYESUAIAN DILAKUKAN.

DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN BAHAWA PENYESUAIAN ITU AKAN DIPERTIMBANGKAN DAN MENASIHAT MAJLIS ITU MENGHANTAR SATU MEMORENDUM MENGENAINYA.

BELIAU JUGA MEMBENARKAN PERMINTAAN MAJLIS ITU SUPAYA 12 ORANG WAKIL NEGERI YANG MENOLONG MENYEDIAKAN MEMORENDUM TERSEBUT DIBERI CUTI SEMINGGU. -- BERNAMA 1845/LK